



19 MAR, 2024

Cubaan seludup balak guna kontena gagal

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 2



RAMPAS: Mohd Nasir (kanan) menunjukkan kayu balak yang berjaya dirampas.

Cubaan seludup balak guna kontena gagal

Kastam Sabah berjaya merampas kayu balak bernilai lebih RM80,000 di Pelabuhan Tawau

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Taktik membawa keluar kayu balak bernilai lebih RM80,000 menggunakan kontena gagal selepas dikesan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Sabah di Pelabuhan Tawau, pada 23 Febuari lepas.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah, Datuk Mohd Nasir Deraman berkata, pihaknya mengesan imej meragukan pada mesin pengimbas kargo terhadap tiga kontena di pelabuhan berkenaan, kira-kira jam 5.45 petang.

Katanya, sepasukan pegawai Kastam Bahagian Perkastaman Tawau dan Jabatan Perhutanan Tawau bertindak menjalankan pemeriksaan terhadap semua kontena berkenaan.

“Hasil pemeriksaan secara fizikal mendapati dua daripada kontena berkenaan mengandungi 101 batang kayu balak tanaman jati dan sebuah lagi mengandungi 1,514 batang kayu terubah.

“Semua kayu balak berkenaan tidak seperti diikrarkan kepada pihak kastam melalui Borang Kastam 2 dan lesen eksport yang dilampirkan syarikat berkenaan,” katanya dalam sidang media, di sini

semalam.

Menurutnya, modus operandi untuk kes ini adalah mengikrar menggunakan permit tidak betul untuk tujuan eksport yang tertakluk pada permit eksport.

“Semua kayu balak yang dirampas itu dianggarkan bernilai RM80,322.23 dengan duti eksport bernilai RM7,129.36.

“Ketiga-tiga kontena dan kayu balak itu ditahan dan diserahkan kepada cawangan penguatkuasaan Kastam Tawau untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967,” katanya.



19 MAR, 2024

Cubaan seludup balak guna kontena gagal

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kastam Sabah berjaya merampas kayu balak bernilai lebih RM80,000 di PelabuhanTawau

TAWAU: Taktik membawa keluar kayu balak bernilai lebih RM80,000 menggunakan kontena gagal selepas dikesan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Sabah di Pelabuhan Tawau, pada 2 J Febuari lepas. Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah, Datuk Mohd Nasir Deraman berkata, pihaknya mengesan imej meragukan pada mesin pengimbas kargo terhadap tiga kontena di pelabuhan berkenaan, kira-kira jam 5.45 petang.